



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

PELANTIKAN TIMBALAN PENERUSI MAJLIS PERUNDINGAN GAJI NEGARA

1. Kementerian Sumber Manusia telah melantik Timbalan Pengerusi Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN), Puan Rajeswari Karupiah, mantan Pengerusi Mahkamah Perusahaan Malaysia bagi tempoh mulai 1 Februari 2025 hingga 30 September 2026. Beliau merupakan wanita berbangsa India pertama yang dilantik untuk memegang jawatan ini.
2. Puan Rajeswari Karupiah berpengalaman luas dengan lebih **32 tahun kepakaran** dalam undang-undang perhubungan industri, undang-undang pekerjaan dan perundangan korporat. Beliau memiliki kelayakan akademik **LLB (Hons)** dari **University of London** dan merupakan **MCI Arb Accredited Mediator**..
3. Sepanjang kerjaya beliau sebagai **Pengerusi Mahkamah Perusahaan Malaysia** beliau telah memainkan peranan penting dalam **menyelesaikan kes-kes tertunggak** sehingga melebihi sasaran KPI yang telah ditetapkan. Beliau telah menyelesaikan lebih daripada **500 kes**, melibatkan pemecatan pekerja, penstrukturan semula, pemberhentian kerja serta rundingan perjanjian kolektif.
4. Puan Rajeswari Karupiah juga pernah berkhidmat dengan **The World Bank di Washington, D.C.** sebagai penasihat undang-undang serta terlibat dalam **penambahbaikan dasar buruh Malaysia**, termasuk pengenalan **dasar gaji minimum untuk pekerja di Malaysia**.
5. Dengan **kepakaran mendalam dalam perhubungan industri, penggubalan dasar serta tadbir urus korporat**, Puan Rajeswari Karupiah merupakan **aset strategik** dalam memastikan hala tuju perundangan yang kukuh, inovasi dasar, serta

keseimbangan antara kepentingan pekerja dan majikan sejajar dengan objektif pembangunan ekonomi negara.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

12 FEBRUARI 2025

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	